

07 MAR 2002

RAMOS-EAEG/I

RAMOS: EAEG PERLUKAN MASA, AZAM POLITIK

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Bekas presiden Filipina, Fidel V. Ramos berkata, keazaman politik yang kuat diperlukan untuk merealisasikan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) yang dicadangkan, iaitu suatu langkah yang akan memberi manfaat kepada rantau ini bukan sahaja dari segi ekonomi malah juga dari pelbagai segi lain.

"Diharapkan, kita akan mempertingkatkan aspek tadbir urus kita, termasuk politik, kerajaan tempatan, keselamatan, kebajikan sosial dan budaya," katanya pada sidang media yang diadakan di sini, hari ini.

Terdahulu, beliau membentangkan kertas kerja bertajuk "Ke Arah Penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur-Isu Utama, Cabaran Strategik dan Prospek" pada Sidang Kemuncak Ekonomi Asia di sini, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengutarakan gagasan penubuhan EAEG itu pada tahun 1990, tetapi Washington menentang konsep tersebut dan kemudiannya ia ditukar kepada Kaukus Ekonomi Asia Timur (EAEC). Sekarang ia sekali lagi dikenali sebagai EAEG.

Ditanya bilakah pertubuhan itu akan menjadi kenyataan, Ramos, yang juga pengerusi bagi Peace & Development Foundation, Inc, Filipina berkata ia memerlukan masa.

Dengan mengambil Eropah sebagai contoh, beliau berkata, benua itu mengambil masa selama 25 tahun untuk membentuk Kesatuan Eropah.

"Dari segi geografi, kita adalah tiga kali lebih besar daripada Eropah; China sahaja hampir sebesar 15 negara," katanya.

Beliau menambah bahawa memang ada keinginan yang kuat untuk memulakan EAEG bukan sahaja sebagai kumpulan ekonomi, tetapi juga sebagai sebuah masyarakat secara keseluruhannya.

"Tentu sekali merangkumi pertumbuhan ekonomi yang mapan, kesamarataan, demokrasi, persekitaran yang lebih baik bagi semua keadaan untuk memastikan keteguhannya dan usia yang lebih panjang," tambahnya.

EAEG akan juga melibatkan peluang-peluang dalam pendidikan dan pekerjaan serta kebajikan.

Apabila ditanya negara manakah yang akan memainkan peranan sebagai negara peneraju, beliau berkata, bolehlah diandaikan bahawa Indonesia akan menjadi negara peneraju, memandangkan ia yang terbesar.

Katanya, negara itu telah memulakan langkah-langkah seperti Persatuan Asia Tenggara (ASA) dan Maphilindo.

Dalam ucapannya, Ramos berkata, sebabnya EAEG diperlukan adalah kerana walaupun negara-negara anggota Asean membina kelebihan masing-masing dalam ekonomi dunia, mereka juga memerlukan ekonomi bidangan.

Menurut beliau, ekonomi-ekonomi baru muncul boleh mendapat manfaat daripada globalisasi jika mereka membina kelebihan dalam pengagihan peluang global dan mempertingkatkan daya saingan mereka.

Beliau menambah kata, bagi mencapai matlamat ini, Singapura sedang berusaha untuk menjadi pusat kewangan bagi seluruh Asia Tenggara.

Sementara itu, Thailand telah menjadi kuasa besar dalam bidang pertanian, manakala Malaysia pula merupakan salah satu pengeluar komponen separa konduktor terbesar di dunia.

Filipina pula sedang membina kepakarannya dalam bidang teknologi maklumat dan komputer. -- BERNAMA.

ER SD KY JR